JULAI / SEPTEMBER 2026

Batamerah

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA










2026

MTS

Minggu Tekad Siswa@FSSK









JUL – SEPT 2026

IMAN ILMU AMAL

MALAYSIA MADANI TEKAD57 SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

#130 QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS #53 Times Higher Education Impact Rankings

Diterbitkan di Malaysia oleh
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (online)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor D.E. Malaysia
2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan
Faculty of Social Sciences & Humanities, UKM

25 TAHUN . JUBLI PERAK

FSSK
2001 - 2026

ISI KANDUNGAN

04. MTS 2026

832 Pelajar Baharu Mulakan Langkah Bersama FSSK Melalui MTS

06. NEXUS FSSK UKM

Perkasakan Remaja Tangani Isu Kesihatan Haid Melalui GLOW Sisterhood Camp

08. SAFE 2026

Seminar on Security, Anti-Corruption & Enforcement

10. Sidang Meja Bulat

Cabaran dan Cadangan Masa Depan Perumahan Awam di Malaysia

12. JIWANITA

Dari Jiwa Mahasiswa Lahir Sebuah Impian

14. Pascasiswazah 2026

380 Pelajar Baharu Pascasiswazah Sertai FSSK UKM bagi sesi Akademik 2026/2027

16. PKWTFH

FSSK Perkukuh Legasi Tun Fatimah Hashim Melalui Kerjasama Strategik bersama Waris dan Yayasan Kadir & Fatimah

18. Lawatan-lawatan ke FSSK

832

Pelajar Baharu Mulakan Langkah Bersama FSSK Melalui MTS



Seramai 832 pelajar baharu Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) memulakan langkah pertama sebagai warga fakulti menerusi pengisian Minggu Tekad Siswa (MTS) yang memberi pendedahan awal mengenai persekitaran akademik, program pengajian, pusat kajian serta peranan warga FSSK.

Berlangsung di Dewan Kuliah 3F201, FSSK, program anjuran FSSK tersebut menjadi platform kepada pelajar baharu untuk mengenali dengan lebih dekat struktur dan peranan fakulti selain mendapatkan gambaran mengenai ruang pembelajaran, pembangunan diri serta peluang yang boleh diterokai sepanjang tempoh pengajian di UKM.

Dalam ucapan alu-aluan, Dekan FSSK, Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub, mengingatkan pelajar bahawa pengalaman di universiti tidak seharusnya dilihat semata-mata sebagai perjalanan untuk memperoleh segulung ijazah, sebaliknya menjadi ruang penting dalam membentuk keperibadian dan potensi diri.

Beliau turut menyeru pelajar baharu agar sentiasa berusaha mengembangkan potensi diri dan menjadi individu yang lebih baik sepanjang berada di universiti. Menurut beliau, kehidupan sebagai mahasiswa juga membawa tanggungjawab yang lebih besar kerana golongan pelajar merupakan antara kelompok yang bakal menyumbang kepada pembangunan negara.

“Tugas sebagai pelajar bukan sekadar untuk mendapatkan ilmu, tetapi juga untuk membina diri dan seterusnya membantu membina negara dengan lebih baik,” ujar beliau.

“Universiti bukan sahaja tempat anda mengejar segulung ijazah, tetapi juga tempat di mana anda membina diri melalui pelbagai pengalaman yang akan anda hadapi semasa berada di UKM dan FSSK,”

Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub
Dekan FSSK





Menerusi pengisian MTS, pelajar baharu turut diperkenalkan kepada pelbagai ruang dan fungsi yang tersedia di FSSK melalui taklimat yang disampaikan oleh barisan pengurusan dan akademik fakulti. Pengisian tersebut merangkumi Taklimat Prasiswazah, Sekretariat Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat, Pengajaran dan Citra, Unit Bahasa Asing dan Terjemahan, Keusahawanan dan Kreatif serta Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.

Pendedahan tersebut memberi gambaran menyeluruh kepada pelajar mengenai aspek akademik dan pembangunan mahasiswa, termasuk peluang untuk meneroka pengalaman di luar bilik kuliah, membina jaringan, mengembangkan kemahiran serta melibatkan diri dalam aktiviti yang menyokong perkembangan sahsiah dan kerjaya.



Program turut dihadiri Timbalan Dekan Prasiswazah, Prof. Madya Dr. Ezarina Zakaria; Timbalan Dekan Siswazah, Prof. Madya Dr. Azlan Abas; Timbalan Dekan Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat, Prof. Madya Dr. Mohd Suhaimi Mohamad; serta Timbalan Dekan Sekretariat Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Dr. Emma Mirza Wati Mohamad, selain ketua-ketua program serta warga akademik dan pengurusan FSSK.

Dalam perkembangan berkaitan, Prof. Dr. Kadaruddin turut berkongsi serba sedikit mengenai latar belakang UKM dan FSSK bagi membantu pelajar baharu memahami institusi yang bakal menjadi sebahagian daripada perjalanan akademik mereka.

Beliau turut memaklumkan bahawa FSSK dijangka menerima tambahan pelajar pada minggu berikutnya yang berpotensi menjadikan keseluruhan jumlah pelajar fakulti melebihi 1,000 orang. Perkembangan tersebut mencerminkan pertambahan komuniti akademik FSSK serta kepelbagaian warga yang bakal menghidupkan lagi ekosistem pembelajaran dan aktiviti fakulti.

Secara keseluruhannya, MTS bukan sekadar menjadi sesi pengenalan kepada struktur dan perkhidmatan FSSK, malah membuka ruang awal kepada pelajar baharu untuk memahami bahawa kehidupan universiti turut melibatkan proses membina identiti, meneroka potensi dan mempersiapkan diri sebagai individu yang mampu memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara.

Melalui pendedahan awal tersebut, pelajar baharu FSSK diharap dapat memanfaatkan pelbagai peluang yang tersedia sepanjang pengajian, sekali gus menjadikan pengalaman mereka di UKM sebagai asas kepada pembentukan graduan yang berpengetahuan, berkemahiran dan mempunyai kesedaran terhadap tanggungjawab kepada masyarakat.



Nexus FSSK UKM Perkasakan Remaja Tangani Isu Kesihatan Haid melalui GLOW Sisterhood Camp

Memahami perubahan tubuh, berani berbicara tentang kesihatan haid dan mempunyai ruang untuk meluahkan emosi menjadi antara pengalaman yang diketengahkan menerusi GLOW Sisterhood Camp, sebuah inisiatif yang memberi tumpuan kepada pembangunan keyakinan diri, kesedaran kesihatan dan kepimpinan dalam kalangan remaja perempuan daripada komuniti Projek Perumahan Rakyat (PPR).

Berlangsung pada 12 dan 13 September 2026 di Lemuni Retreat and Training Centre, Kerling, Selangor, program tersebut dianjurkan oleh Nexus FSSK di bawah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama Libresse dan Kertas & Co sebagai rakan industri serta Spot Community Project sebagai rakan NGO.

GLOW yang merupakan akronim kepada Grooming, Leadership, Opportunities dan Wellness, menggabungkan pendekatan komunikasi kesihatan, pembangunan kendiri dan kesejahteraan emosi bagi mewujudkan ruang pembelajaran yang lebih terbuka serta selesa untuk peserta membincangkan perkara berkaitan tubuh dan kesihatan diri.

Perjalanan peserta dimulakan dengan aktiviti journaling bersama Kertas & Co, yang memperkenalkan kaedah seperti *free writing, bullet journaling, scrap/junk journal* serta *food and travel journal*. Aktiviti tersebut memberi ruang kepada peserta untuk mengekspresikan diri dan meluahkan perkara yang dirasai melalui penulisan kreatif, sekali gus menjadi medium refleksi kendiri sebelum mengikuti pengisian utama program.

Pengalaman mengenali diri kemudiannya diteruskan melalui pendekatan komunikasi kesihatan oleh HealthComm, apabila peserta dibimbing untuk memahami perubahan tubuh ketika akil baligh dalam suasana yang tidak lagi menjadikan topik berkaitan haid sebagai sesuatu yang janggal atau sukar dibincangkan. Aktiviti mengenali tubuh yang dikendalikan oleh Dr. Rabiathul Badariah, jurulatih daripada Spot Community Project, turut membantu peserta memahami perubahan fizikal yang berlaku pada diri mereka.

Pemahaman tersebut diperkukuh menerusi perkongsian Dr. Nur Faezza Mohd Mokhtar, Pakar Obstetrik dan Ginekologi dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang memberikan panduan praktikal berkaitan pengurusan kesakitan haid, termasuk aspek pemakanan, senaman dan kaedah yang sesuai untuk membantu peserta mengurus ketidakselesaan ketika haid.

Lebih daripada sekadar memahami aspek fizikal, GLOW turut menyediakan ruang kepada peserta untuk mengenali emosi dan membina sistem sokongan. Menerusi Support System Circle, peserta diajak melakukan refleksi melalui aktiviti *Message for My Past Self* dan *Message for My Future Self*, selain menghasilkan mesej yang boleh disampaikan kepada remaja lain sebagai bentuk sokongan dan dorongan.

Pendekatan terhadap kesihatan turut diperluas kepada persoalan yang mungkin sukar dilontarkan secara terbuka. Menerusi sesi Mitos atau Fakta yang dikendalikan oleh Dr. Hayatul Najaa binti Miptah, Pakar Perubatan Keluarga dan Pensyarah Perubatan, Fakulti Perubatan UiTM peserta berpeluang mendapatkan penjelasan mengenai persoalan kesihatan menerusi aktiviti Kotak Rahsia iaitu ruang untuk mengemukakan soalan secara anonim sebelum dijawab oleh pakar.

Dalam perkembangan seterusnya, fokus program beralih kepada pengurusan emosi dan kepimpinan melalui pengisian oleh Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim (PKW). Aktiviti seperti Emotion Emoji Walk, STOP Technique dan Grounding Technique memberi pendedahan kepada peserta tentang cara mengenali serta mengurus emosi dan tekanan dengan pendekatan yang mudah diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

Pengalaman tersebut kemudiannya diterjemahkan melalui komunikasi kreatif apabila peserta menyertai bengkel penghasilan video bersama Mention Club. Mereka bukan sahaja menghasilkan kandungan ciptaan sendiri, tetapi juga diberi peluang untuk menayangkan hasil kerja masing-masing yang sekaligus menggalakkan keberanian untuk menyampaikan idea dan mesej kepada orang lain.

Ketua Projek Penyelidikan Translational, Prof. Madya Dr. Nasrudin Subhi berkata usaha membangunkan golongan remaja perlu turut memberikan perhatian kepada keupayaan mereka memahami dan menyampaikan maklumat berkaitan kesihatan.



"Remaja perlu cakna terhadap komunikasi kesihatan, mempunyai kepimpinan untuk membimbing serta memahami kepentingan mengekalkan kesihatan diri. Pengetahuan dan kesedaran tersebut penting bukan sahaja untuk diri sendiri, malah membolehkan mereka menjadi individu yang mampu menyampaikan mesej positif kepada orang lain,"

Prof. Madya Dr. Nasrudin Subhi
Ketua Projek Penyelidikan Translational



Secara keseluruhannya, GLOW Sisterhood Camp memperlihatkan bahawa pendidikan kesihatan boleh menjadi titik permulaan kepada pembinaan keyakinan, sokongan sosial dan kepimpinan remaja. Dengan menggabungkan pengetahuan kesihatan, ekspresi kendiri, pengurusan emosi dan komunikasi kreatif peserta diberi ruang untuk bergerak daripada sekadar memahami isu yang berkaitan dengan diri kepada membina keupayaan untuk bersuara dan menyokong orang lain.

Inisiatif tersebut merupakan sebahagian daripada proses penyelidikan translational yang lebih besar yang dipelopori oleh rangkaian pusat kepakaran di bawah Nexus FSSK, iaitu PERKASA (Pusat Pemerkasaan Belia), HealthComm dan PKW.



SAFE2026

Seminar on Security, Anti-Corruption & Enforcement





Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menganjurkan Seminar Keselamatan, Anti-Rasuah dan Penguatkuasaan (SAFE) 2026 di Dewan Perdana FSSK.

Penganjuran seminar ini bertujuan menghimpunkan agensi keselamatan dan penguatkuasaan bagi membincangkan isu-isu semasa berkaitan aspek keselamatan, pencegahan rasuah dan penguatkuasaan. Seminar ini turut menjadi platform wacana akademik dan profesional yang memperkukuh perkongsian ilmu, pengalaman serta perspektif praktikal antara agensi berkaitan dengan mahasiswa. Melalui penganjuran SAFE 2026, FSSK terus memperkukuh peranan dalam menghubungkan dunia akademik dengan amalan profesional, sekali gus memberi peluang kepada mahasiswa memahami cabaran sebenar yang dihadapi oleh agensi keselamatan dan penguatkuasaan dalam mendepani isu-isu kontemporari.

Antara pengisian utama seminar ialah forum bertajuk "Safeguarding the National Interests of Malaysia and Indonesia amid Contemporary Geopolitical Turmoil" yang disampaikan oleh Pro-Canselor HELP University merangkap Felo Kehormat MPAT, Laksamana Pertama Prof. Dato' Dr. Zakaria Hj Ahmad (TLDM) dan Pensyarah Institut Pemerintahan Dalam Negeri (IPDN), Indonesia, Prof. Dr. Nurliah Nurdin. Forum tersebut mengupas cabaran landskap geopolitik semasa serta kepentingan kerjasama strategik antara Malaysia dan Indonesia dalam memelihara keselamatan dan kepentingan nasional.

Seminar turut diteruskan dengan sesi pembentangan daripada wakil agensi penguatkuasaan yang melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ). Perkongsian yang disampaikan memberi pendedahan kepada para peserta mengenai peranan, cabaran dan amalan terbaik setiap agensi dalam memperkukuh sistem keselamatan, penguatkuasaan undang-undang serta pemerkasaan integriti dalam perkhidmatan awam.





Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Dekan Siswazah FSSK, Prof. Madya Dr. Azlan Abas. Dalam ucapannya, beliau berharap agar seminar ini menjadi wadah yang mampu memperkukuh jaringan strategik antara institusi akademik dan agensi keselamatan serta penguatkuasaan, di samping menjadi platform untuk mencari pendekatan terbaik dalam memartabatkan tadbir urus yang bersih, berintegriti dan cekap demi kepentingan negara.

Turut hadir ialah Komandan Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT), Laksamana Mohd Shariman Ishak, Ketua Pusat Pengajian Sains Pengurusan, Maktab PDRM Kuala Lumpur, YDH SAC Wan Kamarul Azran Wan Yusof, Pengarah Akademi Pengangkutan Jalan Malaysia, TS Dr. Azmi Awang dan Pengarah SAFE 2026, Dr. Muein Abadi.

Melalui penganjuran SAFE 2026, FSSK komited untuk memastikan platform ini terus subur dan berterusan pada masa akan datang agar ia menjadi suatu rantaian kerjasama strategik bersama agensi-agensi penguatkuasaan teras negara dan wadah bagi pemantapan nilai integriti secara holistik.



Prof. Madya Dr. Azlan Abas
Timbalan Dekan Siswazah FSSK

Sidang Meja Bulat

Cabaran dan Cadangan Masa Depan Perumahan Awam Di Malaysia



Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama rentas bersama Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM), Think City dan Akademi Profesor Malaysia (APM) telah menganjurkan Sidang Meja Bulat: Cabaran dan Cadangan Masa Depan Perumahan Awam di Malaysia di Bilik Mesyuarat Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM.

Penganjuran sidang meja bulat ini bertujuan membentangkan dan meneliti secara kritis dapatan laporan *From Roof to Resilience: A Social Assessment of Malaysia's Public Housing*, di samping mengkaji semula objektif asal pembangunan perumahan awam dalam memenuhi keperluan masyarakat bandar yang semakin kompleks. Program ini turut menjadi platform ilmiah untuk meneliti cabaran sosial, institusi dan tadbir urus yang membelenggu sistem perumahan awam, selain meneroka pendekatan inovatif dalam aspek pengurusan, pembiayaan, penyertaan komuniti serta penggubalan dasar yang lebih mampan bagi generasi akan datang.



Sidang meja bulat dimulakan dengan sesi Objektif dan Format Meja Bulat yang disampaikan oleh Prof. Emeritus Dato' Dr. Abdul Rahman Embong yang menggariskan matlamat penganjuran sebagai medan perbincangan strategik berasaskan bukti bagi merangka hala tuju baharu perumahan awam negara.

Perbincangan diteruskan melalui sesi Perumahan Awam Berdaya Huni dan Manusiawi Abad Ke-21: Masalah dan Cabaran yang menghimpunkan pandangan pelbagai ahli akademik, penyelidik dan pemegang taruh mengenai isu kebolehhunian, kesejahteraan komuniti, pengurusan serta tadbir urus perumahan awam dalam menghadapi cabaran urbanisasi masa kini. Sidang meja bulat kemudiannya diakhiri dengan sesi Melangkah ke Hadapan: Cadangan Penambahbaikan Dasar dan Pelan Tindakan yang memberi fokus kepada penghasilan syor dasar dan strategi pelaksanaan yang lebih inklusif, mampan serta berorientasikan kesejahteraan rakyat.

Turut hadir ialah Penasihat Dasar Program Kita-untuk-Kita, Think City, Prof. Emeritus Dato' Dr. Abdul Rahman Embong, Pengarah Think City, Dr. Shahridan Faiez serta Pengerusi Persatuan Sains Sosial Malaysia, Prof. Dr. Sity Daud.

Penganjuran sidang meja bulat ini mencerminkan komitmen FSSK dalam memperkukuh budaya penyelidikan berasaskan bukti serta memperluas peranan universiti sebagai rakan strategik dalam menyumbang kepada pembangunan dasar awam negara. FSSK terus berperanan sebagai platform intelektual yang menghubungkan penyelidikan dengan amalan, sekali gus menyokong usaha merangka sistem perumahan awam yang lebih berdaya huni, inklusif dan berdaya tahan demi kesejahteraan masyarakat Malaysia.



Jiwanita

Dari Jiwa Mahasiswa, Lahir Sebuah Impian

"Keindahan yang Lahir dari Jiwa."

Siapa sangka sebuah perjalanan yang bermula daripada program pembangunan kepimpinan dan keusahawanan mahasiswa akhirnya melahirkan sebuah jenama yang membawa nama, kreativiti dan aspirasi mahasiswa FSSK? Inilah JIWANITA™, sebuah inisiatif keusahawanan sosial mahasiswa yang bukan sekadar menghasilkan produk tetapi membuka ruang kepada mahasiswa untuk belajar, mencipta, memimpin dan berani membawa idea ke dunia sebenar.

JIWANITA™ lahir menerusi Program Pembangunan Kepimpinan Keusahawanan Mahasiswa Wanita melalui Projek SiswaNITA Preneur FSSK–Laila Fabrika, dengan sokongan dana endowmen di bawah kod penyelidikan EKW-2026-005, Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim (PKWTFH), FSSK, UKM. Seramai 30 mahasiswa daripada enam pusat kajian di FSSK telah melalui proses pembangunan yang menggabungkan latihan kepimpinan, keusahawanan, kreativiti, pemasaran dan pengalaman mengurus sebuah jenama.

Lebih membanggakan, perjalanan ini turut menghasilkan output penyelidikan yang bersifat praktikal dan berimpak menerusi penubuhan JIWANITA Enterprise iaitu sebuah syarikat yang dimiliki dan digerakkan oleh mahasiswa FSSK dan berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Penubuhan JIWANITA Enterprise menjadi satu pencapaian penting apabila idea yang dibangunkan melalui projek penyelidikan berjaya diterjemahkan kepada sebuah entiti perniagaan sebenar. Inisiatif ini bukan sahaja memperlihatkan potensi hasil penyelidikan untuk dikembangkan melangkaui penerbitan akademik malah membuka ruang kepada mahasiswa untuk memperoleh pengalaman secara langsung dalam pengurusan perniagaan, pemasaran, jualan, pengurusan pelanggan dan penjanaan pendapatan.

Apa yang menjadikan JIWANITA™ benar-benar unik ialah ia lahir daripada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia iaitu sebuah fakulti yang tidak berteraskan perniagaan atau keusahawanan. Penubuhannya mencerminkan satu keberanian untuk mencabar persepsi bahawa keusahawanan hanya dimiliki oleh fakulti atau bidang tertentu. FSSK percaya bahawa kreativiti, inovasi, kepimpinan dan semangat keusahawanan boleh dipupuk dalam kalangan mahasiswa daripada semua disiplin ilmu apabila mereka diberikan kepercayaan, bimbingan dan ekosistem yang sesuai. Atas keyakinan inilah FSSK menyahut cabaran untuk membuktikan bahawa mahasiswa sains sosial juga mampu melahirkan jenama yang diyakini, menghasilkan produk premium yang berkualiti tinggi serta bersaing secara profesional dalam industri fesyen dan perniagaan.

Manakala keistimewaan perjalanan JIWANITA™ pula terletak pada penglibatan mahasiswa yang bukan sekadar menjadi peserta program sebaliknya menjadi sebahagian daripada jiwa dan penggerak jenama ini. Mereka terlibat dalam proses mencetuskan idea, menghasilkan identiti visual, mereka bentuk logo dan motif tudung, mengikuti latihan pemasaran dan jualan, seterusnya berperanan sebagai JiwaPreneur yang membawa produk JIWANITA™ terus kepada pelanggan. Setiap langkah memberikan pengalaman pembelajaran sebenar yang sukar diperoleh hanya di dalam bilik kuliah.

JIWANITA™ membuktikan bahawa penyelidikan bukan sahaja mampu menghasilkan ilmu tetapi juga mampu mencipta peluang, membina bakat dan melahirkan usahawan mahasiswa.



Daripada Lakaran kepada Produk Sebenar

Kreativiti mahasiswa kemudiannya diterjemahkan kepada koleksi tudung JIWANITA™ yang membawa inspirasi keindahan flora tempatan. Antaranya ialah Bawal ORKID KIRANA dan Shawl SERI TELANG. Namun di sebalik setiap helaian itu tersimpan cerita yang jauh lebih besar. Ia adalah cerita tentang idea yang berani diketengahkan, kreativiti yang diberi ruang, keyakinan yang dibina dan mahasiswa yang belajar bahawa hasil tangan serta pemikiran mereka mempunyai nilai. Dengan harga jualan RM39 sehelai, pembelian produk JIWANITA™ bukan sahaja membawa pulang sebuah produk tetapi turut menyokong ekosistem pembelajaran keusahawanan dan menjana ekonomi mahasiswa sepanjang berada di kampus.



Saat JIWANITA™ Melangkah ke Pentas FSSK

Tanggal 21 September 2026 menjadi detik yang cukup bermakna apabila JIWANITA™ diperkenalkan secara rasmi sempena Minggu Tekad Siswa 2026 FSSK, UKM. Di hadapan warga fakulti dan ratusan mahasiswa baharu, perjalanan 30 mahasiswa ini diperkenalkan iaitu daripada sebuah program latihan kepada lahirnya sebuah jenama yang mempunyai identiti dan impian tersendiri. Hari itu bukan sekadar tentang pelancaran sebuah produk tetapi ia adalah tentang meraikan keberanian mahasiswa untuk bermula. Lebih membanggakan, karya mahasiswa tidak berhenti sebagai tugasan atau idea di atas kertas. Ia benar-benar direka, dihasilkan, dipasarkan dan dijual kepada masyarakat.



Terbang tinggi, JIWANITA™

Kerana setiap impian besar sentiasa bermula dengan keberanian untuk mengambil langkah pertama. Hari ini sebuah jenama dilahirkan. Esok, sebuah legasi mungkin tercipta.

JIWANITA™ Bukan Sekadar Tudung

JIWANITA™ membawa satu mesej yang lebih besar iaitu universiti mampu menjadi ruang yang memperkasa mahasiswa untuk menguji idea, membina keyakinan dan mencipta peluang ekonomi melalui pengalaman sebenar. Hari ini, mereka mungkin bermula dengan satu rekaan, satu produk dan satu jualan. Esok, pengalaman tersebut mungkin menjadi titik permulaan kepada lahirnya seorang usahawan, pemimpin, pencipta jenama atau penggerak perusahaan sosial. Inilah jiwa sebenar JIWANITA™ kerana ia bukan sekadar tentang apa yang dijual tetapi tentang siapa yang sedang dibentuk di sebalik setiap produk. Perjalanan JIWANITA™ baru sahaja bermula dengan penglibatan 30 mahasiswa yang bersama-sama merealisasikan kelahiran sebuah jenama. JIWANITA™ diharapkan terus berkembang dari FSSK ke pentas yang lebih luas, sekali gus membawa kreativiti mahasiswa, nilai sosial dan semangat keusahawanan ke tahap yang lebih tinggi.

380 Pelajar Baharu Pascasiswazah Sertai FSSK UKM

bagi Sesi Akademik 2026/2027

Seramai 380 pelajar baharu pascasiswazah mendaftar di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi Semester 1, Sesi Akademik 2026/2027.

Kehadiran pelajar baharu itu diraikan menerusi Majlis Taklimat dan Pendaftaran Pelajar Baharu Pascasiswazah Semester 1, Sesi Akademik 2026/2027 yang berlangsung di Dewan Perdana, FSSK.

Majlis berkenaan menjadi antara platform penting bagi menyambut kemasukan pelajar baharu pascasiswazah serta memberikan pendedahan awal berkaitan persekitaran pengajian dan kehidupan akademik di FSSK UKM.

Sesi tersebut turut diserikan dengan ucapan alu-aluan oleh Timbalan Dekan Siswazah FSSK, Prof. Madya Dr. Azlan bin Abas, yang menyambut kehadiran 380 pelajar baharu pascasiswazah yang bakal memulakan perjalanan akademik mereka di FSSK.

Pendaftaran pelajar baharu pascasiswazah ini mencerminkan kesinambungan FSSK sebagai salah sebuah pusat pengajian dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan yang menghimpunkan komuniti akademik daripada pelbagai disiplin.

Kehadiran pelajar daripada pelbagai latar belakang akademik turut membuka ruang kepada pembentukan komuniti pascasiswazah yang dinamik, di samping memperkayakan interaksi ilmu, penyelidikan dan pertukaran idea dalam kalangan warga fakulti.

Majlis Taklimat dan Pendaftaran Pelajar Baharu Pascasiswazah Semester 1, Sesi Akademik 2026/2027 diharap dapat menjadi titik permulaan yang baik kepada para pelajar baharu dalam meneruskan pengajian serta membina pengalaman akademik yang bermakna sepanjang berada di FSSK UKM.









FSSK Perkukuh Legasi Tun Fatimah Hashim Melalui Kerjasama Strategik Bersama Waris dan Yayasan Kadir & Fatimah



Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim (PKWTFH) telah menerima kunjungan waris Allahyarham Tun Fatimah Hashim bersama wakil Yayasan Kadir & Fatimah dalam satu sesi pertemuan dan perbincangan strategik yang berlangsung di Bilik Majlis, Aras 5, Bangunan Canselori, UKM.

Pertemuan yang julung kali diadakan sejak penubuhan Galeri Tun Fatimah Hashim pada 25 Jun 2013 ini bertujuan memperkukuh hubungan kerjasama antara PKWTFH dan Yayasan Kadir & Fatimah di samping membincangkan hala tuju galeri sebagai wadah pemeliharaan legasi, dokumentasi sejarah dan pemerkasaan kepimpinan wanita di Malaysia. Pertemuan ini turut menjadi signifikan susulan penstrukturan semula PKWTFH yang kini diletakkan di bawah pentadbiran FSSK.

Dalam ucapannya, Pengerusi Pertubuhan Hal Ehwal Wanita dan Keluarga (HAWA Malaysia), Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil, berkongsi pengalaman sepanjang berkhidmat di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam memperjuangkan pelbagai dasar yang berkaitan dengan pemerkasaan wanita. Beliau menyentuh usaha memperkukuh perlindungan terhadap hak wanita, termasuk pindaan perlembagaan bagi memastikan tiada diskriminasi berasaskan gender serta menggalakkan penyertaan wanita dalam sektor awam dan kepimpinan negara.

Menurut beliau, perjuangan tersebut banyak diinspirasikan oleh Allahyarham Tun Fatimah Hashim yang disifatkan sebagai tokoh perintis dalam memperjuangkan kedudukan wanita di Malaysia.

Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil
Pengerusi HAWA Malaysia



'Tun Fatimah Hashim was an icon. She opened the door for women in politics and in all walks of life. She was not only the Minister of Welfare or the leader of Wanita UMNO, but the spirit that inspired women like me to move forward and become part of the nation's development and vision.'

Sementara itu, Dekan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub berkata, PKWTFH telah melaksanakan pelbagai program dan inisiatif yang memberi impak besar dalam memperkasa kepimpinan wanita di pelbagai peringkat masyarakat.

Beliau menjelaskan bahawa usaha tersebut selaras dengan aspirasi pusat berkenaan untuk membangunkan potensi kepimpinan wanita secara menyeluruh daripada akar umbi sehingga ke peringkat pembuat dasar. Menurut beliau, perjuangan Allahyarham Tun Fatimah Hashim sentiasa menjadi sumber inspirasi dan tonggak utama dalam meneruskan agenda pemerkasaan wanita yang diperjuangkan oleh PKWTFH.

Beliau turut menegaskan bahawa pertemuan bersama waris Tun Fatimah Hashim, Yayasan Kadir & Fatimah serta HAWA Malaysia ini merupakan langkah penting dalam memperkukuh jaringan kerjasama strategik bagi memastikan legasi perjuangan tokoh tersebut terus dipelihara dan diperkasakan melalui pelbagai inisiatif akademik, penyelidikan dan pembangunan kepimpinan wanita yang juga memberikan impak kepada komuniti.



Dalam pada itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat), Prof. Dr. Bariah Mohd. Ali berkata, sejak penubuhan Kerusi Kepimpinan Wanita UKM pada 30 Mac 2012, universiti telah berjaya melahirkan ramai pemimpin wanita melalui pelbagai latihan, seminar, forum serta program pembangunan kepimpinan yang memberi fokus kepada peningkatan kompetensi wanita di pelbagai sektor.

Beliau turut menzahirkan sokongan penuh UKM terhadap kerjasama yang dijalinkan antara universiti, PKWTFH dan waris Allahyarham Tun Fatimah Hashim dengan harapan kolaborasi tersebut akan terus memperkukuh agenda pembangunan kepimpinan wanita serta melahirkan lebih ramai tokoh wanita yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara pada masa hadapan.



Turut hadir ialah Ahli Lembaga Pengarah Universiti Kebangsaan Malaysia merangkap Felo Utama Bersekutu PKWTFH, Tan Sri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad, Penolong Setiausaha Kehormat HAWA Malaysia, Dato' Rose Yusof serta wakil Yayasan Kadir & Fatimah yang juga waris Allahyarham Tun Fatimah Hashim iaitu Encik Mohamed Shah Kadir bersama isteri Puan Fadillah Yakin, Puan Faridah Abdul Kadir serta cucu Allahyarham, Adian Yein Khalid dan Zurina Datuk Ali.

Pertemuan ini mencerminkan komitmen berterusan FSSK dalam memelihara dan mengangkat legasi Allahyarham Tun Fatimah Hashim sebagai ikon kepimpinan wanita negara. Melalui pertemuan bersama waris keluarga, Yayasan Kadir & Fatimah serta HAWA Malaysia, PKWTFH diyakini akan terus menjadi pusat rujukan yang memperkasa penyelidikan, dokumentasi sejarah dan pembangunan kepimpinan wanita, sekali gus memastikan nilai, perjuangan dan aspirasi Tun Fatimah Hashim terus diwarisi oleh generasi akan datang.



Lawatan² Ke FSSK

Sekolah Pascasarjana
Universitas Djuanda Bogor, Indonesia

Sesi Lawatan Kajian Perbandingan daripada Program Magister Pentadbiran Awam, Universiti Juanda Bogor, Indonesia ke Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 17 Julai 2026 menjadi platform bagi meneroka peluang kerjasama akademik dalam bidang Pentadbiran Awam, Governans dan sains sosial-humaniora. Lawatan ini turut memberi tumpuan kepada penganjuran mini persidangan bersama sebagai platform pertukaran idea dan hasil penyelidikan serta perancangan aktiviti pengabdian masyarakat antarabangsa yang melibatkan pensyarah dan pelajar kedua-dua institusi.

Universitas Hasanuddin, Indonesia

Sesi kunjungan daripada Jabatan Kesusasteraan Daerah, Fakulti Sains Budaya, Universitas Hasanuddin , Indonesia ke Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 26 Ogos 2026 menjadi platform bagi penandaarasan antarabangsa serta pertukaran pengetahuan budaya antara kedua-dua institusi. Perbincangan memberi tumpuan kepada konsep dan amalan terbaik pengurusan Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (PPBKKM), di samping pelaksanaan pertukaran pengetahuan berkaitan tulisan Lontara sebagai sistem tulisan tradisional Bugis - Makassar.









Asosiasi Departemen dan Jurusan Antropologi Seluruh Indonesia





Sesi kunjungan Asosiasi Departemen dan Jurusan Antropologi Seluruh Indonesia (ADJASI) ke Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 28 Ogos 2026 menjadi platform bagi meneroka peluang kerjasama akademik dan pengukuhan jaringan antarabangsa antara kedua-dua institusi. Perbincangan memberi tumpuan kepada penyelidikan dan penerbitan bersama, mobiliti pelajar serta staf akademik, pembangunan kurikulum Antropologi, penganjuran seminar dan persidangan antarabangsa, penglibatan komuniti serta penyeliaan bersama pelajar pascasiswazah.

Lawatan Pendidikan Delegasi
Sri Lanka–Malaysia International Study Exchange Programme 2026

Sesi dialog dan lawatan pendidikan delegasi Sri Lanka-Malaysia International Study Exchange Programme 2026 ke Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 17 September 2026 menjadi platform pertukaran pengetahuan dan pengalaman bersama Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia (PsiTra). Sesi ini memberi tumpuan kepada pemahaman mengenai dinamika dan adaptasi pendedahan bidang psikologi di Malaysia, di samping membuka ruang pembelajaran bersama dan dialog konstruktif antara kedua-dua pihak.





